



## ANTARA BARU DAN BAHARU : YANG MANA YANG BETUL?

saujana.sg  
November 2009

Sejak kebelakangan ini, penggunaan kata **baru** dan **baharu** telah ditentukan orang bahawa **baru** itu kata bantu yang dipadankan dengan kata Inggeris; *just*. Manakala **baharu** pula kata adjektif yang sepadan dengan kata Inggeris; *new*. Yang mana satukah yang benar? Kami memuat turun beberapa pandangan mengenainya agar pengguna bahasa mendapat petunjuk yang jelas.

Menurut Kamus Dewan (edisi keempat, rujuk hal: 131) **baru** bermaksud:

- 1 belum (tidak) ada sebelumnya, yang belum lama wujud (dikeluarkan, diterbitkan, dsb): negara-negara baru; kereta jenis baru; majalah baru,
- 2 belum pernah atau belum lama dilaksanakan (dicuba, digunakan, dsb): cara-cara baru,
- 3 belum dipakai lagi atau belum lama dipakai; basikal baru,
- 4 belum lama lagi menjadi atau berlaku (bekerja, bertindak, dll) sebagai murid baru; ketua baru,
- 5 masih segar (belum lama dipetik, ditangkap, dsb) ikan baru,
- 6 moden: angkatan baru,
- 7 belum berapa lama lagi (dahulu): saya baru dating,
- 8 apabila saja, sesudah: Baru digertak, dia sudah lari,
- 9 pada masa itulah, pada ketika tertentu (berikutan dengan sesuatu dll): selepas saya jelaskan, baru dia sedar,
- 10 kelihatan masih cantik atau tidak terjejas dsb (kerana belum sering digunakan, terpelihara dengan baik, dll)

Manakala kata **baharu** pula bermaksud baru. (rujuk hal: 105)

Menerusi ruangan khidmat Nasihat, Lelaman Dewan Bahasa dan Pustaka, kami perturunkan beberapa tukilan mengenai **baru** dan **baharu** ini. Rujuk:

<http://prpm.dbp.gov.my/carian.aspx?cari=baru&domain=PRPM>

Soalan	Jawapan	Tarikh
apa beza baharu dan baru	<b>Baru</b> dan <b>baharu</b> sebagai kata adjektif digunakan dalam konteks rumah <b>baru/baharu</b> , tahun <b>baru/baharu</b> , baju <b>baru/baharu</b> . Padanan bahasa Inggerisnya ialah new, manakala <b>baru</b> sebagai kata bantu digunakan dalam konteks <b>baru-baru</b> ini, <b>baru</b> tiba, <b>baru</b> sampai. Padanan bahasa Inggerisnya ialah just.	26.10.2009
tolong jelaskan penggunaan perkataan baru, baharu dan bahru.	Baharu/ <b>baru</b> sebagai kata sifat seperti dalam penggunaan tempat baharu/ <b>baru</b> , tahun baharu/ <b>baru</b> . <b>Baru</b> sebagai kata bantu seperti dalam <b>baru-baru</b> ini, <b>baru</b> tiba.	04.02.2008

<b>Apakah ejaan yang diguna pakai oleh pihak DBP samada "BARU" atau "BAHARU"</b>	Kedua-dua ejaan digunakan. Baharu/ <b>baru</b> (kata sifat) seperti dalam penggunaan rumah baharu/ <b>baru</b> , tugas baharu/ <b>baru</b> . <b>Baru</b> (kata bantu) seperti dalam penggunaan <b>baru-baru</b> ini.	06.02.2008
<b>beza antara baru dan baharu</b>	<b>Baru</b> dan baharu sebagai kata adjektif digunakan dalam konteks rumah <b>baru/baharu</b> , tahun <b>baru/baharu</b> , baju <b>baru/baharu</b> . Padanan bahasa Inggerisnya ialah new, manakala <b>baru</b> sebagai kata bantu digunakan dalam konteks <b>baru-baru</b> ini, <b>baru</b> tiba, <b>baru</b> sampai. Padanan bahasa Inggerisnya ialah just.	23.02.2009

Berikut ialah pandangan <http://bahasa-melayu-ku.blogspot.com/2009/05/baharu-kata-adjektif-barukata-adverba.html>,

#### **Baharu = Kata Adjektif; Baru = Kata Adverba?**

Seorang Munsyi Dewan yang bertugas di PPD Daerah Kinta Utara dan Selatan, Perak Darul Ridzuan, telah mendakwa bahawa perkataan baharu dan baru adalah berbeza. Sememangnya isu yang mendakwa dua perkataan tersebut tergolong dalam kelas kata yang berbeza sudah pun menjadi sedikit perdebatan.

Bagi saya, dakwaan yang dibuat oleh Munsyi Dewan tersebut telah menimbulkan sedikit keraguan. Sudah menjadi pengetahuan umum yang Munsyi Dewan yang dilantik oleh DBP telah menjadikan Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan sebagai “kitab suci” mereka. Tetapi apabila Munsyi Dewan tersebut telah mendakwa bahawa terdapat perbezaan antara perkataan baharu dan baru, maka saya tertanya-tanya; apakah individu yang dilantik sendiri oleh DBP telah hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap Kamus Dewan?

Dalam Kamus Dewan, halaman 105, terdapat entri baharu yang dimaknakan sebagai baru. Dengan kata lain, Kamus Dewan telah menyatakan dua perkataan tersebut mempunyai makna yang sama dan tidak mempunyai sebarang perbezaan.

Dalam hal ini, saya amat bersetuju dengan Kamus Dewan. Saya telah menyelongkar beberapa buah hikayat Melayu lama seperti Sejarah Melayu, Hikayat Pendawa Lima, Hikayat Merong Mahawangsa, Syair Gurindam Dua Belas, dan beberapa buah kitab yang lain. Saya mendapati dalam kitab-kitab tersebut tidak terdapatnya perkataan baru, tetapi yang ada ialah perkataan baharu.

Sebenarnya, fenomena penghilangan [ha] dalam beberapa perkataan bahasa Melayu merupakan suatu fenomena biasa. Inilah yang dikatakan terdapatnya rumus penyahsuaran yang sering berlaku dalam bahasa Melayu. Oleh kerana fenomena ini merupakan fenomena yang biasa terjadi, dan berlaku secara konsisten, maka inilah rumus dan aturan yang terdapat dalam bahasa Melayu. Antara perkataan-perkataan lain yang juga mengalami fenomena yang sama ialah :



cahari --> cari  
bahagi --> bagi  
tahu --> tau  
dahulu --> dulu  
bahulu --> baulu

Kalau diperhatikan kepada perkataan-perkatan di atas, kebanyakan bunyi [h] yang terdapat dalam kebanyakan perkataan bahasa Melayu mempunyai kenderungan untuk dihilangkan. Fenomena ini boleh dijelaskan melalui pengkajian fonologi, yang mungkin Munsyi Dewan tersebut telah terlepas pandang. Dan, satu kelemahan yang ketara yang saya perhatikan kepada kebanyakan Munsyi Dewan ialah, mereka tidak begitu menguasai prinsip fonologi bahasa Melayu. Mereka biasanya akan terus melihat perkataan tersebut dari aspek morfologi, sedangkan perkataan (morfologi) tidak akan terbina tanpa bunyi (fonologi).

Berikut pula ialah dapatan penulis blog : <http://mohdisaabdrazak.blogspot.com/2009/01/tahun-baru-atau-tahun-baharu.html>

### **Tahun Baru atau Tahun Baharu?**

Yang berikut ialah hasil carian dengan menggunakan enjin carian Google:

Results 1 - 10 of about 419,000 for "**Tahun Baru** Cina". (0.22 seconds)

Results 1 - 10 of about 3,850 for "**Tahun Baharu** Cina". (0.27 seconds)

\*\*\*

Results 1 - 10 of about 80,500 for "Selamat **Tahun Baru** Cina". (0.30 seconds)

Results 1 - 10 of about 115 for "Selamat **Tahun Baharu** Cina". (0.16 seconds)

Hasil carian ini menunjukkan ungkapan “**tahun baru**” sangat tinggi penggunaannya berbanding dengan ungkapan “**tahun baharu**”.

Antara penulis blog yang menggunakan ungkapan “Tahun Baru Cina” ialah Tun [Dr. Mahathir](#) Mohamad dan Datuk Seri Haji [Mohd Ali](#) bin Mohd Rustam. Antara penulis blog yang menggunakan ungkapan “Tahun Baharu Cina” pula ialah Cikgu [Tan CL](#), Cikgu [Abdul Ghafur Yunus](#) dan Cikgu [Musri Kadir](#).

Manakah ungkapan yang terkini dan persis?

Menerusi Nukleus, Berita Harian 20 Februari 2008, **Hajah Noresah Baharom** menulis:



## Antara Baru, Baharu, Baru-Baru dan Baharu-Baharu

Ruangan Surat dan E-mel daripada pembaca yang disiarkan dalam Berita Harian pada 24 Januari 2008 yang lalu ada menimbulkan persoalan tentang penggunaan kata **baru** dan **baharu**. Apakah baru ataupun baharu bentuk yang betul atau yang baku?

Penulis ruangan tersebut inginkan kepastian lalu mencadangkan agar kata **baru** yang lebih pendek dari segi suku kata dan sekali gus lebih mudah disebut diterima pakai sebagai yang betul dan baku.

Ruangan Nukleus pada kali ini akan cuba me-ngupas kewujudan kedua-dua varian ini dalam bahasa Melayu, dengan melihat sudut sejarah kata, perkembangan tatabahasa bahasa Melayu, dan juga sosiolinguistik. Sudut sosiolinguistik merujuk kepada penggunaan sebenar kedua-dua bentuk kata ini oleh masyarakat pengguna merentas zaman.

Kedua-dua bentuk, iaitu baru dan baharu merupakan dua kata yang sama makna walaupun dieja dengan cara yang agak berlainan sedikit. Bentuk kata begini yang memang lazim berlaku dalam mana-mana bahasa pun disebut sebagai **varian**.

Antara pasangan kata lain yang dianggap sebagai varian ialah bacang dan embacang. Kedua-duanya merujuk pada buah yang sama. Variasi yang begini lazimnya wujud dan digunakan oleh kelompok pengguna bahasa yang berlainan kedudukan geografi atau dialek. Satu lagi faktor yang menyebabkan wujudnya kata yang bervarian ialah kecenderungan penutur asli bahasa Melayu untuk menggugurkan huruf "h" yang terdapat pada sesuatu kata, seperti pada hulu menjadi ulu, sahaja menjadi saja, sahaya menjadi saya, dan baharu menjadi baru.

Dari segi sejarah, bentuk baharu merupakan bentuk asal kata ini yang memang banyak digunakan dalam bahasa Melayu klasik. Bagaimanapun, kajian korpus daripada bahan terbitan tahun 1980 sehingga tahun 2000 menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan bentuk baru mengatasi bentuk baharu. Namun bentuk baharu kembali menarik perhatian pengguna bahasa apabila buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1993) membuat ketetapan bahawa bentuk baharu merupakan bentuk yang lebih baku bagi merujuk kepada sesuatu yang belum lama wujud atau new dalam bahasa Inggeris.

Ekoran daripada ketetapan ini, kajian korpus daripada bahan terbitan tahun 2003 sehingga tahun 2005 menunjukkan bahawa bentuk baharu lebih produktif digunakan dalam wacana bertulis. Ini bermakna bahawa bentuk baru masih digunakan tetapi dengan jumlah yang lebih kecil berbanding dengan baharu.

Dalam konteks lisan pula, bentuk baru lebih tinggi kekerapan penggunaannya berbanding dengan baharu. Apa yang menarik perhatian pengkaji bahasa ialah walaupun baru masih digunakan, namun bentuk kata terbitan yang lebih produktif terhasil ialah daripada baharu bukan daripada baru. Kata terbitan yang terhasil ialah membaharui, memperbaharui, kebaharuan, pembaharuan, dan pembaharuan. Semua ini terbukti daripada cara Kamus Dewan Edisi Keempat mengendalikan kedua-dua kata ini pada halaman 105, dan 131. Pada entri baharu, takrif yang diberikan ialah baru.



Di bawah entri baru pula, ada 10 makna diberikan. Namun terbitan yang dimasukkan cuma membarukan, dan tiada bentuk terbitan lain seperti pembaruan dan membarui dirakamkan.

Pengendalian kedua-dua kata entri ini memberikan makna yang signifikan kepada pengguna, iaitu kedua-dua baru dan baharu ialah dua varian yang mempunyai 10 makna yang serupa, tetapi baharu lebih produktif dari segi penghasilan kata terbitan. Daripada 10 pecahan makna yang diberikan, tujuh daripadanya merujuk kepada penggunaan kata baru sebagai kata adjektif, seperti dalam frasa "teman baru" atau "kereta baru". Tiga lagi makna yang diberikan merujuk kepada penggunaan baru sebagai adverba, seperti dalam ayat "Rosinah baru beranak satu", atau "Baru digertak, dia sudah lari". Frasa "teman baru" atau "kereta baru" boleh sahaja ditukar ganti dengan "teman baharu" atau "kereta baharu". Begitu juga dengan ayat "Rosinah baru beranak satu" boleh sahaja ditukar ganti dengan "Rosinah baharu beranak satu".

Bentuk ganda bagi baru dan baharu memang wujud tetapi kedua-duanya membawa makna yang jauh berbeza. Baru-baru membawa makna tidak lama dahulu, seperti dalam ayat, "Kita menyokong perbahasan itu, seperti dalam perhimpunan agung **baru-baru** ini." Tiada bukti korpus yang dapat menunjukkan bahawa baru-baru dalam ayat di atas dapat digantikan dengan kata ganda baharu-baharu. Ini bermakna ayat "Kita menyokong perbahasan itu, seperti dalam perhimpunan agung **baharu-baharu** ini" tidak dapat diterima pakai.

Namun kata ganda baharu-baharu dijadikan satu entri yang tersendiri dalam Kamus Dewan dengan makna sejenis ikan laut. Sesungguhnya apabila dijadikan entri yang tersendiri dengan makna yang jauh berbeza dengan baharu ataupun baru, ada kemungkinan baharu-baharu mempunyai asal usul yang tidak sama dengan baru ataupun baharu.

Semoga penjelasan yang diberikan dapat meleraikan apa jua kekusutan yang dialami oleh pengguna bahasa.

Akhir kata, apakah pandangan anda akan kedua-dua imej, dan pantun klasik berikut.



*Kapal baru temberang baru,  
Baru sekali masuk Melaka;  
Tuan baru saya pun baru,  
Baru sekali berjumpa mata.*

*Temberang : tali-temali di perahu untuk meneguhkan tiang.*

